

## Press Clipping

---

# Serah kompleks kastam

**L**EMBAGA Pelabuhan Klang (PKA), pemilik Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) menyerahkan Kompleks Kastam kepada Kastam Diraja Malaysia bagi membolehkan penguatkuasaan peraturan kastam dilaksanakan di kawasan zon bebas itu.

Berkuat kuasa hari ini, pi-

hak kastam diberi tanggungjawab memantau aktiviti pengilangan dan komersial di zon itu supaya tidak berlaku penyalahgunaan dan penyelewengan ke atas kemudahan yang diberikan.

Kompleks Kastam dua tingkat itu, menjadi salah satu komponen projek (PKFZ) juga menyediakan

kemudahan ruang pejabat, 10 kaunter dan bilik pengimbas.

Ia akan menempatkan pelbagai jabatan kerajaan lain pada masa depan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Farmaseutikal, Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.